

Newspaper	Berita Harian
Date	14 March 2016

GERAKAN DR MAHATHIR

PKR tetap utamakan perjuangan bebas Anwar

BH - 14/3/2016

Bukit Mertajam: Presiden PKR, Datuk Seri Dr Wan Azizah Ismail sanggup mengetepikan 'dendam' terhadap Tun Dr Mahathir Mohammad demi menjalin kerjasama terbaharu dalam gerakan yang dilancarkan bekas Perdana Menteri itu pada 3 Mac lalu.

Dr Wan Azizah yang tidak menghadiri pelancaran rasmi gerakan berkenaan berkata, beliau membawa pesanan suaminya, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mahu PKR terbabit sama dalam gerakan walaupun ia dinaungi Dr Mahathir.

"Saya membawa pesanan daripada Anwar bahawa kita perlu ketepikan dendam untuk menyelamatkan negara.

"Tetapi, itu tidak bermaksud perjuangan kami untuk menggantikan kerajaan sedia ada berhenti di tengah jalan. Kami tetap akan teruskan terutama membebaskan Anwar yang menjadi mangsa politik," katanya pada sidang media selepas menghadiri Forum Sambutan Hari Wanita Sedunia Peringkat Parlimen Permatang Pauh di sini, semalam.

Pada pelancaran gerakan itu awal Mac lalu, PKR hanya diwakili Timbalan Presidennya, Datuk Seri Azmin Ali, manakala Wan Azizah dan Naib Presiden PKR, Nurul Izzah Anwar tidak hadir.

PKR tak tergugat pakatan baharu PAS

Sementara itu, Dr Wan Azizah berkata, PKR tidak akan tergugat dengan pakatan baharu yang akan dibentuk PAS bagi menghadapi Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14).

Katanya, apa yang direncanakan PAS itu tidak akan mengganggu penubuhan Pakatan Harapan yang turut disertai DAP dan Parti Amanah Negara (PAN).

"Persoalan ini perlu diajukan terus kepada PAS kerana perbincangan untuk menubuhkan pakatan itu tidak membatikan kita.

"Tiada sebab untuk PKR berasa tergugat dengan perancangan mereka. Apa pun mereka tetap pembangkang bukan kerajaan," katanya.

Baru-baru ini, Setiausaha Agung PAS, Datuk Takiyuddin Hassan mengumumkan parti Islam berkenaan akan menubuhkan pakatan pembangkang baharu bersama sebuah parti politik dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) pada 16 Mac ini.

**“
Saya membawa pesanan daripada Anwar bahawa kita perlu ketepikan dendam untuk menyelamatkan negara. Tetapi, itu tidak bermaksud perjuangan kami untuk menggantikan kerajaan sedia ada berhenti di tengah jalan”**

**Wan Azizah Ismail,
Presiden PKR**